



FELDA

ANALISIS KEPUTUSAN

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
(SPM) CALON FELDA**

TAHUN 2018


JABATAN PENDIDIKAN FELDA

Maklumat Am SPM 2018

Peperiksaan bertulis Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2018 telah dijalankan pada 13 November 2018 hingga 13 Disember 2018. Seramai 7,571 calon bagi sekolah-sekolah di FELDA telah menduduki peperiksaan SPM 2018 berbanding 8,323 calon pada 2017 dengan penurunan sebanyak 752 (9.04%) calon. Perincian maklumat mengikut bilangan calon pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 ditunjukkan dalam **Jadual 1**.

TAHUN PEPERIKSAAN SPM	BILANGAN CALON FELDA SPM SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)	PERBEZAAN 2017/2018
2018	7571	-752
2017	8323	

Jadual 1: Bilangan calon 2018 dan 2017



Rajah 1: Bilangan Calon FELDA SPM Tahun 2018 dan 2017

Pelaporan Keputusan SPM 2018

Keputusan peperiksaan SPM 2018 dilaporkan berdasarkan pencapaian calon dan prestasi mata pelajaran. Pencapaian calon merujuk kepada penguasaan pembelajaran dalam semua mata pelajaran yang diuji. Gred Purata Nasional (GPN) adalah indeks yang diguna untuk menunjukkan pencapaian calon di seluruh negara. Nilai GPN yang lebih kecil menunjukkan pencapaian yang lebih baik.

Prestasi mata pelajaran pula merujuk kepada tahap pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diukur dalam setiap mata pelajaran. Indeks yang digunakan untuk menunjukkan prestasi mata pelajaran adalah Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP). Nilai GPMP yang lebih kecil juga menunjukkan prestasi yang lebih baik.

Pencapaian Calon FELDA SPM 2018

Pelaporan analisis keputusan peperiksaan SPM ini berdasarkan calon sekolah KPM yang menduduki minimum enam (6) mata pelajaran teras kecuali dinyatakan sebaliknya.

Pencapaian calon FELDA SPM 2018 adalah lebih baik berbanding tahun 2017. Gred Purata Nasional (GPN) SPM 2018 adalah 4.89 berbanding 4.90 pada tahun 2017 dengan peningkatan sebanyak 0.01.

Manakala, Gred Purata Sekolah (GPS) FELDA tahun 2018 mencatatkan peningkatan sebanyak 0.01 mata berbanding tahun 2017. Trend GPS FELDA 2018 adalah selari dengan peningkatan Nasional. Trend GPS FELDA dan GPS Nasional tahun 2018 dan 2017 ditunjukkan dalam **Jadual 2**.

TAHUN	GPS FELDA	GPS Nasional
2018	5.33	4.89
2017	5.34	4.90

Jadual 2: Trend GPS FELDA dan GPS Nasional tahun 2018 dan 2017

GPS FELDA telah menunjukkan peningkatan selari dengan peningkatan peringkat nasional dan memberi impak positif kepada prestasi sekolah-sekolah di seluruh negara termasuklah sekolah-sekolah di FELDA.


Kedudukan Wilayah Berdasarkan Gred Purata Sekolah (GPS)

Senarai kedudukan wilayah berdasarkan Gred Purata Sekolah (GPS) terdapat dalam **Jadual 3**. Sebanyak enam buah wilayah FELDA menunjukkan peningkatan dalam gred mata GPS FELDA bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 manakala lima lagi buah wilayah menunjukkan penurunan gred mata GPS FELDA.

BIL	WILAYAH	BIL. CALON	GPS 2018	GPS 2017	PERBEZAAN GPS 2017/2018	PERBANDINGAN GPS 2017/2018
1	Segamat	441	4.93	4.99	0.06	Meningkat
2	Jengka	934	5.05	4.98	0.07	Menurun
3	Raja Alias	927	5.11	5.15	0.04	Meningkat
4	Kuantan	1,044	5.13	5.12	0.01	Menurun
5	Johor Bahru	1,178	5.23	5.29	0.06	Meningkat
GRED PURATA SEKOLAH (GPS) FELDA = 5.33						
6	Trolak	422	5.37	5.61	0.24	Meningkat
7	Mempaga	748	5.41	5.42	0.01	Meningkat
8	Alor Setar	318	5.57	5.37	0.20	Menurun
9	Gua Musang	356	5.73	5.71	0.02	Menurun
10	Sahabat	581	5.87	5.97	0.10	Meningkat
11	Terengganu	622	5.95	5.77	0.18	Menurun
KESELURUHAN		7,571	5.33	5.34	0.01	MENINGKAT

Jadual 3 : Kedudukan Wilayah Berdasarkan Gred Purata Sekolah (GPS)

GRED PURATA SEKOLAH (GPS) FELDA 2018 DAN 2017



Rajah 2: Perbandingan Gred Purata Sekolah (GPS) FELDA Tahun 2017 dan 2018

Senarai 10 Sekolah Terbaik Keseluruhan Berdasarkan Gred Purata Sekolah (GPS)

Jadual 4 adalah senarai 10 buah sekolah terbaik keseluruhan antara sekolah-sekolah menengah di FELDA bagi peperiksaan SPM 2018.

BIL	SEKOLAH	WILAYAH	BIL. CALON	GREDD PURATA 2018	GREDD PURATA 2017	PERBANDINGAN GPS 2017/2018
1	SMK Jengka Pusat	Jengka	100	3.81	3.49	Menurun
2	SMK Bandar Baru Seriting (FELDA) Bdr Seri Jempol	Raja Alias	111	3.93	3.82	Menurun
3	SMK Sungai Retang	Jengka	37	4.09	4.88	Meningkat
4	SMK Selancar	Kuantan	33	4.20	4.87	Meningkat
5	SMK Jengka 24	Jengka	13	4.27	5.34	Meningkat
6	SMK Bukit Rokan Gemencheh	Raja Alias	21	4.37	3.57	Menurun
7	SMK Ppp Tun Razak	Jengka	149	4.39	3.67	Menurun
8	SMK Bukit Goh	Kuantan	110	4.43	4.50	Meningkat
9	SMK (LKTP) Maokil	Segamat	39	4.45	5.31	Meningkat
10	SMK LKTP Belitong	Segamat	60	4.48	5.20	Meningkat

Jadual 4: Senarai 10 Sekolah Terbaik GPS FELDA

Senarai 10 Sekolah Terendah Keseluruhan Berdasarkan Gred Purata Sekolah (GPS)

Jadual 5 adalah senarai 10 buah sekolah terendah keseluruhan antara sekolah-sekolah menengah di FELDA bagi peperiksaan SPM 2018.

BIL	SEKOLAH	WILAYAH	BIL. CALON	GRED PURATA 2018	GRED PURATA 2017	PERBANDINGAN GPS 2017/2018
1	SMK Pasir Besar Gemas	Raja Alias	62	6.08	5.88	Menurun
2	SMK Seri Ceneh	Terengganu	33	6.08	5.91	Menurun
3	SMK Bersia FELDA, Gerik	Trolak	51	6.11	5.72	Menurun
4	SMK Jengka 2	Jengka	120	6.19	5.75	Menurun
5	SMK Chalok (Model Khas)	Terengganu	99	6.19	6.33	Meningkat
6	SMK Teloi Kanan	Alor Setar	72	6.21	5.81	Menurun
7	SMK Palong 2 (FELDA) Gemas	Raja Alias	46	6.36	5.42	Menurun
8	SMK Seri Rasau	Terengganu	40	6.37	5.70	Menurun
9	SMK FELDA Neram	Terengganu	72	6.50	5.75	Menurun
10	SMK LKTP Kg Sertik	Mempaga	61	6.71	5.87	Menurun


Jadual 5: Senarai 10 Sekolah Terendah GPS FELDA

Pencapaian Calon FELDA SPM 2018 Cemerlang Semua A

Rumusan Pencapaian SPM 2018 seramai 11 (0.14%) calon berjaya memperoleh semua gred A (Cemerlang) bagi semua mata pelajaran yang diduduki berbanding 12 (0.14%) calon pada tahun 2017, mendatar 0.00%.

BIL.	FELDA WILAYAH	BIL. DUDUKI 2018	BIL. DUDUKI 2017	BIL. CEMERLANG SEMUA A			
				2018		2017	
				JUM	%	JUM	%
1	Alor Setar	318	355	0	0.00	0	0.00
2	Trolak	422	437	0	0.00	0	0.00
3	Raja Alias	927	924	3	0.32	3	0.32
4	Segamat	441	488	4	0.91	3	0.61
5	Johor Bahru	1,178	1259	1	0.08	1	0.08
6	Mempaga	748	872	0	0.00	2	0.23
7	Jengka	934	1048	1	0.10	2	0.19
8	Kuantan	1,044	1234	0	0.00	1	0.08
9	Terengganu	622	680	1	0.16	0	0.00
10	Gua Musang	356	384	1	0.00	0	0.00
11	Sahabat	581	642	0	0.00	0	0.00
KESELURUHAN		7571	8323	11	0.14	12	0.14

Jadual 6: Rumusan Pencapaian SPM 2018 Cemerlang Semua A




Rajah 4: Calon FELDA SPM 2018 Cemerlang Semua A

Pencapaian Calon FELDA SPM 2018 6A keatas

Rumusan Pencapaian SPM 2018 seramai 260 orang mendapat keputusan 6A keatas termasuk calon yang memperolehi semua gred A (Cemerlang) bagi semua mata pelajaran yang diduduki SPM 2018.

BIL.	FELDA WILAYAH	12A	11A	10A	9A	8A	7A	6A	JUMLAH
1	Alor Setar	0	0	0	0	0	3	5	8
2	Trolak	0	0	0	1	4	5	11	21
3	Raja Alias	0	0	0	4	6	15	19	44
4	Segamat	0	0	3	1	1	4	10	19
5	Johor Bahru	0	0	0	1	6	9	16	32
6	Mempaga	0	0	0	0	3	6	19	28
7	Jengka	0	1	0	0	8	9	27	45
8	Kuantan	0	1	2	4	4	15	19	45
9	Terengganu	0	0	0	1	0	0	4	5
10	Gua Musang	0	0	0	0	0	3	3	6
11	Sahabat	0	0	0	0	0	0	7	7
JUMLAH		0	2	5	12	32	69	140	260

Jadual 7: Rumusan Pencapaian Calon FELDA SPM 2018 6A Ke Atas termasuk Calon FELDA Cemerlang Semua A



RAJAH 5: Pencapaian calon 6A ke atas mengikut wilayah

Pensijilan SPM

Mulai tahun 2013, semua calon wajib lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah untuk layak mendapat sijil SPM. Pencapaian calon FELDA SPM 2018 yang layak mendapat sijil adalah lebih baik berbanding pada 2017 dengan peningkatan 1.97%. **Jadual 8** adalah rumusan analisa pensijilan SPM bagi calon FELDA SPM 2018 berbanding SPM 2017.

BIL	WILAYAH	BIL. DUDUKI		CALON YANG LAYAK MENDAPAT SIJIL (WAJIB LULUS BM & SEJARAH)				CALON YANG TIDAK LAYAK MENDAPAT SIJIL (TH SEMUA MP/GAGAL SEMUA MP)			
		2018	2017	2018		2017		2018		2017	
				JUM	%	JUM	%	JUM	%	JUM	%
1	Alor Setar	318	355	274	86.16	298	83.94	44	13.84	57	16.06
2	Trolak	422	437	387	91.71	381	87.19	35	8.29	56	12.82
3	Raja Alias	927	924	844	91.05	815	88.20	83	8.95	109	11.80
4	Segamat	441	488	413	93.65	470	96.31	28	6.35	18	3.69
5	Johor Bahru	1178	1,259	1082	91.85	1,131	89.83	96	8.15	128	10.17
6	Mempaga	748	872	678	90.64	738	84.63	70	9.36	134	15.37
7	Jengka	934	1,048	856	91.65	964	91.98	78	8.35	84	8.02
8	Kuantan	1044	1,234	933	89.37	1,109	89.87	111	10.63	125	10.13
9	Terengganu	622	680	534	85.85	580	85.29	88	14.15	100	14.71
10	Gua Musang	356	384	313	87.92	333	86.72	43	12.08	51	13.28
11	Sahabat	581	642	508	87.44	517	80.53	73	19.47	12.56	19.47
RUMUSAN		7,571	8,323	6,822	90.11	7,336	88.14	749	9.89	987	11.86
PENCAPAIAN				PENINGKATAN 1.97%				PENURUNAN 1.97%			

Jadual 8: Rumusan Analisis Pensijilan SPM 2018 Berbanding SPM 2017

Prestasi Mata Pelajaran

Prestasi bagi dua daripada enam mata pelajaran teras dalam SPM 2018 meningkat dari tahun sebelumnya, iaitu Sejarah dan Sains. Manakala, mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik menunjuk penurunan berbanding SPM 2017 dan Mata pelajaran Pendidikan Islam kekal menunjukkan prestasi mendatar. Penurunan mata pelajaran Bahasa Melayu selari dengan trend Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) Nasional yang juga menunjuk penurunan bagi subjek tersebut.

Prestasi mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah FELDA kekal mendatar. Mata pelajaran Sejarah meningkat sebanyak 0.27 mata GPMP iaitu 5.50 berbanding 5.77 pada tahun 2017. Mata pelajaran sains juga menunjukkan peningkatan mata sebanyak 0.08. GPMP FELDA bagi mata pelajaran Bahasa Melayu iaitu 4.03 adalah lebih baik berbanding GPMP peringkat Nasional, 4.19 mata.

Syarat layak mendapat sijil SPM wajib lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah masih dikekalkan. Langkah lebih efektif perlu diambil oleh pihak sekolah bagi meningkatkan pencapaian kedua-dua mata pelajaran teras tersebut seperti mengadakan kelas tambahan. Ibu bapa perlu memainkan peranan dan memikul tanggungjawab serta bekerjasama dengan pihak sekolah demi meningkatkan prestasi pelajaran anak-anak mereka. Prestasi mata pelajaran teras SPM 2018 ditunjukkan secara terperinci dalam **Jadual 9**.

MATA PELAJARAN	FELDA / NASIONAL	TAHUN	GPMP
Bahasa Melayu	FELDA	2017	3.97
		2018	4.03
	Nasional	2018	4.19
MATA PELAJARAN			
MATA PELAJARAN	FELDA / NASIONAL	TAHUN	GPMP
Bahasa Inggeris	FELDA	2017	7.17
		2018	7.30
	Nasional	2018	5.98
MATA PELAJARAN			
MATA PELAJARAN	FELDA / NASIONAL	TAHUN	GPMP
Pendidikan Islam	FELDA	2017	4.41
		2018	4.41
	Nasional	2018	4.18

MATA PELAJARAN	FELDA / NASIONAL	TAHUN	GPMP
Sejarah	FELDA	2017	5.77
		2018	5.50
	Nasional	2018	4.98
MATA PELAJARAN	FELDA / NASIONAL	TAHUN	GPMP
Matematik	FELDA	2017	5.81
		2018	5.91
	Nasional	2018	5.03
MATA PELAJARAN	FELDA / NASIONAL	TAHUN	GPMP
Sains	FELDA	2017	5.09
		2018	5.01
	Nasional	2018	5.00

Jadual 9: Prestasi bagi semua mata pelajaran teras dalam SPM 2018

Penutup

Sebagai kesimpulan, keputusan SPM FELDA 2018 menunjukkan peningkatan pencapaian keseluruhan calon. Nilai GPS FELDA pada tahun 2018 iaitu 5.33 mencatatkan peningkatan sebanyak 0.01 mata berbanding tahun 2017 iaitu 5.34. Berdasarkan analisis ini, wilayah-wilayah FELDA telah menunjukkan peningkatan dalam gred mata GPS seterusnya menyumbang kepada peningkatan kepada GPS FELDA secara keseluruhan pada tahun 2018.

Bagi pencapaian SPM 2018, Seramai 11 (0.14%) calon telah berjaya memperoleh semua gred A (Cemerlang) bagi semua mata pelajaran yang diduduki berbanding 12 (0.14%) calon pada tahun 2017, iaitu penurunan satu orang calon. Manakala seramai 260 orang calon mendapat keputusan 6A keatas termasuk calon yang memperolehi semua gred A (Cemerlang) bagi semua mata pelajaran. Peratusan pencapaian calon 2018 yang layak mendapat sijil adalah sangat lebih baik berbanding pada tahun 2017 dengan peningkatan 1.97%. Manakala peratusan penurunan calon yang tidak layak mendapat sijil dengan penurunan keseluruhan sebanyak 1.97% berbanding tahun 2017.

Analisis SPM FELDA 2018 menunjukkan prestasi bagi dua daripada enam mata pelajaran teras meningkat, iaitu Sejarah, dan Sains. Manakala, bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik mengalami penurunan serta pendidikan Islam kekal mendatar.

Secara keseluruhan, analisis ini juga menunjukkan bahawa FELDA sentiasa memastikan kesamarataan peluang dan akses kepada pendidikan berkualiti kepada semua calon FELDA di seluruh negara. Pelbagai program akan terus dirangka dan ditambahbaik bagi memastikan peningkatan keberhasilan dan kemenjadian murid sekolah di rancangan FELDA. Diharapkan maklumat yang terdapat dalam analisis keputusan ini boleh digunakan untuk menambah baik kualiti program kecemerlangan pendidikan yang dianjurkan oleh FELDA seiring dengan aspirasi Pendidikan Negara.

Penghargaan

Jabatan Pendidikan FELDA (JPF) merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada calon-calon yang telah berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan SPM 2018. Semoga mereka dapat meneruskan budaya kecemerlangan ini dalam kehidupan mereka dalam apa jua bidang yang akan diceburi agar dapat memberi sumbangan yang bermakna dan berharga kepada kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan seterusnya kepada pembangunan negara.

Kepada calon yang kurang berjaya pula, anggaplah kegagalan itu sebagai satu cabaran dan peluang untuk mencipta kejayaan yang lain pada masa akan datang. JPF mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada ibu bapa, guru, pentadbir sekolah dan masyarakat yang memberi kerjasama sepenuhnya dalam membangun dan meningkatkan tahap pendidikan secara berterusan. Kejayaan ini adalah hasil daripada usaha dan perancangan yang rapi semua pihak yang terlibat. Semoga pencapaian peperiksaan yang cemerlang ini akan berterusan pada setiap masa.

Sekian, terima kasih.

NURZILA BINTI ABD GHANI

Pengarah
Jabatan Pendidikan
FELDA